

Operasi bersepadu sempena setahun GST

MUAR 30 Mei - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Muar bersama Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Cawangan Muar melaksanakan operasi khas sempena setahun pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Operasi tersebut juga bertujuan memastikan peniaga di sekitar daerah Muar dan Tangkak mematuhi semua peraturan perniagaan yang ditetapkan sempena sambutan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri kali ini.

Ketua Cawangan PPDNKK Muar, Nor Azmi Lamisza berkata, operasi itu akan dibahagikan kepada dua iaitu sesi pertama pada 30 Mei hingga 2 Jun dan sesi kedua bermula pada 12 hingga 16 Jun ini.

"Seramai lapan anggota dari PPDNKK dan enam anggota dari jabatan kastam akan ditugaskan dalam setiap masa sepanjang tempoh operasi tersebut.

"Operasi ini diadakan bagi meningkatkan tahap pematuhan golongan peniaga khususnya di sektor peruncitan terhadap Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2016 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran Operasi Bersepadu JKDM dan PPDNKK di Kompleks Kastam, Bakri di sini hari ini.

Tambah Nor Azmi, tindakan tegas juga akan diambil terhadap peniaga yang didapati mengambil kesempatan dengan membuat keuntungan yang tidak munasabah hingga boleh membebankan pengguna.